

Lawatan Industri

Zon Tawau | Lahad Datu | Semporna



*En. Ag. Sufiyani Bersama En. Shazly bin Abd. Rahim,
Ketua Cawangan Jabatan Alam Sekitar Tawau.*

Lawatan Latihan Industri ke daerah Tawau, Lahad Datu dan Semporna telah dijalankan pada 4 - 7 Julai 2010. Seramai 14 orang pelajar menjalani LI di ketiga-tiga daerah tersebut. Kebanyakkan pelajar yang melaksanakan LI di Tawau tertumpu di Bandar Tawau contohnya di Telekom Sales and Services Sdn Bhd, Jabatan Alam Sekitar Tawau, Pejabat Daerah Tawau dan The Reef Dive Resort and Tour Sdn Bhd. Di Lahad Datu pula pelajar-pelajar melaksanakan LI di pulau-pulau berhampiran dan syarikat berkaitan kelapa sawit iaitu di

Asia Palm Oil Sdn Bhd, Enrich Marine dan Felda Agriculture Services Sdn Bhd. Seorang pelajar menjalani latihan di di Unit Marin, Taman-Taman Sabah, Semporna. Secara keseluruhannya program lawatan LI berjalan dengan baik dan pelajar-pelajar telah berjaya menjalani LI tanpa sebarang masalah dan laporan daripada penyelia industry juga adalah baik. Hasil perbincangan ringkas dengan majikan, mereka mengalu-alukan pelajar UMS menjalani LI ditempat mereka dan mengharapkan kerjasama dari segi kepakaran dan khidmat nasihat akademik dalam bidang yang berkaitan.

Artikel oleh: Ag. Sufiyani Abd. Hamid



Sangkar ikan di Pulau Silam milik Enrich Marine Sdn Bhd.